

Pembinaan Indeks Integriti dan Anti Rasuah Ahli Politik Menurut Aqli dan Naqli

*Development of the Integrity and Anti-Corruption Index for
Politicians Based on Aqli and Naqli Perspectives*

KHADIJAH MUDA*, ROS AIZA MOHD MOKHTAR, SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR,
SITI NOR BAYA MAT YACOB & KAMAL AZMI ABD RAHMAN

Received: 29-10-2025/ Accepted: 16-2-2026

ABSTRACT

Integrity is an essential element that should be present in every individual, especially for those who hold leadership positions. Leaders carry significant responsibilities towards the people under their guidance. A leader with integrity will be respected, whereas a leader without integrity will be despised. The purpose of this study is to develop an Integrity and Anti-Corruption Index for Politicians based on Islamic principles and Malaysian law. This study is important as it provides an indicator for politicians to assess their own level of integrity and ethical conduct. The methodology employed is a multi-method approach. The initial phase involved interviews with officers from the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and academic experts in the fields of religion, governance, and law. The interview data were analysed to identify emerging themes, which were then developed into items and domains for the instrument. The questionnaire was further reviewed by MACC officers to ensure the content's accuracy and validity. Subsequently, the data underwent a Content Validation Index (CVI) process. The validation results indicated that several items required modification or removal to enhance clarity and precision. The findings of this study reveal that there are three main domains to be used in measuring the Integrity and Anti-Corruption Index for politicians: knowledge of corruption and integrity, attitude towards corruption and integrity and practices related to corruption and integrity. The implications of this study highlight that the developed index can serve as a self-assessment tool for politicians to evaluate their own level of integrity and potential involvement in corrupt practices.

Keywords: integrity; aqli and naqli; corruption; index development; politician

ABSTRAK

Integriti merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri setiap orang, apatah lagi jika seseorang itu bergelar pemimpin. Pemimpin mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar kepada orang yang di bawah pimpinannya. Pemimpin yang berintegriti akan dihormati, namun pemimpin yang tidak berintegriti akan dipandang hina. Tujuan kajian ini adalah untuk membina indeks integriti dan anti rasuah ahli politik menurut agama Islam dan undang-undang Malaysia. Pentingnya kajian ini sebagai indikator ahli politik menilai dirinya berada di tahap yang mana. Metodologi kajian ini adalah menggunakan pendekatan metod pelbagai. Peringkat awal adalah temubual dengan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan pakar-pakar akademik dari bidang agama dan tadbir urus serta perundangan. Selepas temubual dijalankan, hasil temubual dianalisis dan membentuk item-item dan domain. Soal selidik turut disemak oleh pegawai SPRM agar kandungannya betul dan sahih. Seterusnya data yang dihasilkan melalui proses pengesahan kandungan iaitu Content Validation Index. Hasil pengesahan menunjukkan ada beberapa data yang perlu dibuang dan diubah. Hasil kajian ini menunjukkan tiga domain utama akan digunakan untuk mengukur indeks integriti rasuah ahli politik iaitu pengetahuan mengenai rasuah dan integriti, sikap terhadap rasuah dan integriti, serta amalan rasuah dan integriti. Implikasi daripada kajian ini akan dapat dijadikan indikator untuk mengukur sendiri diri masing-masing sejauhmana tahap integriti dan keterlibatan diri dengan rasuah.

Kata kunci: integriti; aqli dan naqli; rasuah; pembinaan indeks; orang politik

PENGENALAN

Dalam Surah al-Baqarah ayat 188, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah (2313) turut menegaskan:

“Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

Al-Quran dan hadis secara jelas melarang perbuatan rasuah, serta menegaskan bahawa perbuatan tersebut dilaknat oleh Allah SWT sebagaimana dalam ayat 188 surah Al-Baqarah dan hadis nabi riwayat Ibnu Majah (2313). Integriti merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam usaha membina tamadun bangsa dan negara. Masyarakat yang berintegriti akan menjadi asas kepada pembentukan negara yang berperadaban tinggi. Sebaliknya, apabila isu rasuah dan ketirisan integriti berleluasa, negara akan mundur dan kehilangan kepercayaan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Hal ini bukan saja memberi kesan kepada pembangunan negara, malah turut memberi kesan terhadap keyakinan pelabur asing untuk melabur, sekali gus menjejaskan kestabilan ekonomi negara. Akibatnya, permintaan terhadap Ringgit Malaysia berkurangan dan nilai mata wang menjadi lemah berbanding Dolar Amerika Syarikat. Oleh itu, bagi melahirkan masyarakat yang berintegriti tinggi serta bebas daripada rasuah ke arah pembinaan bangsa berperadaban tinggi, perbincangan dan penyelidikan akademik berkaitan integriti dan rasuah perlu diberikan perhatian yang serius. Integriti adalah asas utama dalam kepimpinan, khususnya bagi ahli politik yang memegang amanah mentadbir serta membuat keputusan yang memberi kesan langsung kepada masyarakat. Pemimpin yang berintegriti bukan sahaja dihormati, malah menjadi teladan kepada rakyat. Sebaliknya, pemimpin yang tidak berintegriti akan kehilangan kepercayaan dan sokongan masyarakat. Rasuah ialah pelanggaran integriti yang bukan sahaja merosakkan sistem tadbir urus, tetapi turut menghakis kesejahteraan negara. Meskipun pelbagai kajian berkaitan integriti telah dijalankan, tumpuan terhadap integriti ahli politik masih terhad, khususnya dari perspektif aqli (rasional dan intelektual) serta naqli (agama dan wahyu). Justeru, kajian ini dijalankan bagi membangunkan indeks integriti dan anti rasuah ahli politik berasaskan kedua-dua perspektif tersebut, dengan tujuan menyediakan alat pengukuran yang lebih komprehensif untuk menilai tahap integriti golongan pemimpin negara.

TINJAUAN LITERATUR

KONSEP INTEGRITI DAN RASUAH

Integriti merupakan konsep asas dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan berkualiti. Ia didefinisikan sebagai kualiti kesempurnaan, keutuhan dan kekukuhan yang mencerminkan keperibadian beretika, jujur, telus serta bertanggungjawab (Anuar Puteh et al., 2021). Berdasarkan Pelan Integriti Nasional (2004) dan Anuar Puteh et al. (2021), integriti menggambarkan kesepaduan nilai yang utuh dalam diri individu dan organisasi, berlandaskan prinsip moral dan

etika. Seseorang yang berintegriti akan menampilkan keselarasan antara kata dan perbuatan, bertindak mengikut prinsip undang-undang dan mengutamakan kepentingan awam melebihi kepentingan peribadi (Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad, 2016). Nilai-nilai utama integriti meliputi kejujuran, amanah, tanggungjawab, ketelusan, keadilan dan kebijaksanaan. Sebaliknya, rasuah merupakan manifestasi kegagalan integriti yang berpunca daripada kelemahan tadbir urus dan disiplin moral (Nur Hafizah Yusoff & Nurul Atikah Zulkepli, 2021). Antara bentuk pelanggaran integriti termasuk penyalahgunaan kuasa, campur tangan dalam pelantikan pegawai, kegagalan mematuhi prosedur operasi standard serta tindakan memeras ugut. Rasuah membawa kesan sosioekonomi yang luas seperti peningkatan ketidaksamaan pendapatan dan keruntuhan kepercayaan rakyat terhadap institusi politik (Nur Hafizah Yusoff & Nurul Atikah Zulkepli, 2021).


KAJIAN INTEGRITI DAN RASUAH

Kajian mengenai integriti di Malaysia telah dilaksanakan dalam pelbagai konteks seperti pelajar, penjawat awam dan agensi penguatkuasaan. Namun, tumpuan terhadap integriti ahli politik masih terbatas. Salah satu kajian berkaitan integriti ahli politik adalah kajian Khadijah et. al (2025). Beliau telah meneliti kajian-kajian lepas dan kes-kes berkaitan kesalahan ahli politik Malaysia. Berkaitan kajian integriti secara umum pula, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan penghayatan integriti bergantung kepada faktor sosial, persekitaran kerja dan nilai agama. Misalnya, kajian Nur Hafizah (2019) serta Nur Hafizah dan Nurul Atikah (2021) menunjukkan tahap pengetahuan integriti dalam kalangan pelajar universiti masih rendah, menandakan perlunya pendidikan nilai dan pemantauan berterusan. Kajian Ang Chai Tin dan Mohamad Munir (2020) pula mengenal pasti kekeliruan terhadap konsep kejujuran akademik, menunjukkan bahawa pemupukan integriti wajar bermula sejak di peringkat pendidikan tinggi bagi membentuk generasi pemimpin yang beretika. Dalam konteks penjawat awam, Sheikh Muhamed Nursyakirin et al. (2021) serta Zam Zam dan Nik Ahmad Sufian (2023) mendapati tahap integriti yang tinggi masih memerlukan pemantauan dan sokongan organisasi dengan konsisten. Faktor seperti tekanan kewangan, pengaruh rakan sebaya dan kelemahan disiplin diri menjadi punca utama pelanggaran integriti. Dapatan ini turut disokong oleh Azman et al. (2022) dan Enida (2019) yang membezakan antara faktor dalaman seperti ketamakan dan keinginan hidup mewah dengan faktor luaran seperti kelemahan dasar dan penguatkuasaan undang-undang. Dari perspektif Islam, nilai-nilai taqwa, amanah, ihsan dan masuliyah merupakan asas pembentukan integriti kepimpinan (Enida, 2019; A. Halim & Abdul Malik, 2021). Ahmad Faris Ashman et al. (2022) membincangkan tentang konsep kejujuran, amanah, akauntabiliti dan ketelusan yang menjadi asas dalam membentuk organisasi yang cemerlang dan diredhai Allah SWT. Azman et al. (2023) juga menggariskan bahawa Al-Quran dan hadith jelas menekankan tentang aspek integriti dan rasuah. Ini jelas menunjukkan agama Islam sangat menitikberatkan soal integriti. Nilai-nilai ini bukan sahaja penting bagi penjawat awam, tetapi lebih signifikan dalam konteks ahli politik yang memegang amanah kepimpinan negara. Pemimpin yang gagal mempamerkan integriti akan menjejaskan keyakinan rakyat, melemahkan institusi politik serta membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa. Isu integriti dan rasuah bukan sekadar berpunca daripada kelemahan sistem, tetapi juga daripada krisis nilai dan moral individu.

KAJIAN PEMBANGUNAN UKURAN INTEGRITI DAN RASUAH

Pelbagai instrumen telah dibangunkan untuk menilai tahap integriti individu dan organisasi. Kajian kuantitatif biasanya menggunakan statistik deskriptif bagi menilai tahap integriti (Ashma Said et al., 2022; Anuar Puteh et al., 2021). Antara instrumen yang relevan ialah skala integriti penyertaan politik yang mengukur empat elemen utama iaitu kemahiran media, sumber sahih, penciptaan moral dan tindakan etika (Fazurah Mustaffa et al., 2022; Mohd Sufiean Hassan et al., 2021). Skala ini diadaptasi daripada instrumen penggunaan media sosial dan penyertaan politik dalam talian (Yang & DeHart, 2016) serta skala integriti oleh Schlenker (2008). Selain itu, Skala Kawalan Sosial Tidak Formal (Mohd Sufiean Hassan et al., 2018) menilai keterikatan, kepercayaan, keterlibatan dan komitmen dalam mengukuhkan integriti, manakala Model Integriti Akademik oleh Alias et al. (2019) menekankan elemen akauntabiliti, kebolehpercayaan, disiplin diri, kejujuran dan keadilan. Kajian antarabangsa turut menunjukkan bahawa ujian integriti berupaya meramalkan tingkah laku kontraproduktif di tempat kerja (Luther, 2000; Sackett, 1994). Pendekatan teknologi seperti papan pemuka digital (dashboard) juga dicadangkan bagi memvisualisasikan data integriti secara interaktif dan mudah difahami (Ani Munirah Mohamad et al., 2022). Kajian oleh Huberts et al. (2021) melalui pembangunan Political Integrity Index di Belanda menekankan kepentingan pembentukan item dan domain yang komprehensif dalam menilai tahap integriti ahli politik. Indeks tersebut dibangunkan berasaskan kepada beberapa domain utama yang menggambarkan dimensi pelanggaran integriti dalam konteks politik. Antara item yang dijadikan asas pengukuran termasuklah rasuah berbentuk suapan, rasuah melalui pilih kasih, penipuan dan kecurian sumber, konflik kepentingan melalui pemberian hadiah, konflik kepentingan akibat aktiviti sampingan, penyalahgunaan kuasa, manipulasi maklumat, penyalahgunaan sumber organisasi, tingkah laku tidak senonoh di tempat kerja dan salah laku dalam ruang peribadi. Setiap item ini mencerminkan pelbagai aspek pelanggaran integriti yang berlaku dalam dimensi moral, profesional, dan sosial seseorang ahli politik. Justeru, Political Integrity Index bukan sahaja menilai aspek rasuah dalam bentuk kewangan, tetapi juga pelanggaran etika dan nilai dalam kehidupan peribadi dan pentadbiran awam. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pengukuran integriti perlu mengambil kira pelbagai domain dan item yang saling berkait, agar dapat menilai tahap keutuhan moral dan akauntabiliti seseorang pemimpin secara holistik. Secara keseluruhannya, walaupun pelbagai inisiatif dan model telah dibangunkan, penyelidikan khusus mengenai integriti dan rasuah dalam kalangan ahli politik masih kurang dijalankan, terutamanya dari perspektif Aqli (rasional) dan Naqli (wahyu). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan membangunkan Indeks Integriti dan Anti-Rasuah Ahli Politik Muslim berasaskan pendekatan Aqli dan Naqli. Pendekatan bersepadu ini diharapkan dapat menjelaskan hubungan antara pengetahuan rasional (pendidikan, literasi, kesedaran sivik) dan pegangan nilai keagamaan dalam membentuk integriti serta kecekapan kepimpinan politik yang beretika.

KERANGKA KONSEPTUAL



RAJAH 1. Kerangka konseptual kajian

Kajian ini dibangunkan atas landasan gabungan teori dan model bersumberkan aqli (rasional-empirik) dan naqli (wahyu dan nilai Islam). Pendekatan ini digunakan untuk membentuk kerangka konseptual yang menyeluruh dalam memahami, menilai dan membina indeks integriti dan anti rasuah ahli politik di Malaysia. Dari perspektif Aqli, dua teori utama dijadikan asas, iaitu Teori Segitiga Fraud oleh Cressey (1953) dan Teori Tingkahlaku Terancang oleh Ajzen (1991). Teori Segitiga Fraud menjelaskan bahawa pelanggaran integriti dan perlakuan rasuah sering berlaku hasil gabungan tiga faktor utama, iaitu tekanan, peluang dan rasionalisasi. Tekanan merujuk kepada desakan dalaman atau luaran yang mendorong seseorang melakukan pelanggaran, manakala peluang muncul apabila sistem kawalan lemah atau pengawasan tidak berkesan. Rasionalisasi pula menggambarkan justifikasi moral yang digunakan individu untuk menghalalkan tindakan salah mereka. Teori ini membantu menjelaskan faktor-faktor rasional yang menyumbang kepada kecenderungan pelanggaran integriti dalam kalangan ahli politik. Sementara itu, Teori Tingkahlaku Terancang (Ajzen, 1991) menekankan peranan sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan dalam menentukan niat dan tindakan seseorang. Teori ini sesuai diaplikasikan bagi menjelaskan bagaimana sikap terhadap rasuah, pengaruh sosial, dan persepsi kawalan moral membentuk niat dan amalan berintegriti dalam kalangan pemimpin politik. Melalui gabungan Teori Segitiga Fraud dan Teori Tingkahlaku Terancang, kajian ini merangkumi dimensi kognitif, sosial dan tingkah laku yang memberi gambaran rasional terhadap fenomena integriti ahli politik.

Dari perspektif Naqli, model ini disokong oleh prinsip Amanah, Taqwa dan konsep Al-Madina al-Fadila oleh Al-Farabi (1985). Prinsip Amanah menegaskan tanggungjawab moral dan kejujuran yang wajib dipikul oleh pemimpin sebagaimana dalam Surah An-Nisa' ayat 58. Manakala Taqwa menekankan kesedaran spiritual terhadap dosa dan pahala sebagai pengawal

dalam yang menghalang pelakuan rasuah sebagaimana ayat 13 dalam Surah Al-Hujurat. Seterusnya, Al-Madina al-Fadila oleh Al-Farabi (1985) menggambarkan model kepimpinan berasaskan ilmu, akhlak dan hikmah sebagai prasyarat kepada kesejahteraan masyarakat. Gabungan ketiga-tiga konsep ini memberi dimensi moral dan spiritual terhadap pemahaman integriti politik dalam Islam. Oleh itu, kerangka teori ini menyatukan dimensi rasional, etika dan spiritual, menjadikan pengukuran integriti lebih menyeluruh. Model integrasi aqli dan naqli ini membentuk tiga domain utama bagi pembinaan indeks, iaitu (1) pengetahuan mengenai rasuah dan integriti, (2) sikap terhadap rasuah dan integriti, dan (3) amalan rasuah dan integriti. Domain-domain ini meliputi aspek kesedaran, kecenderungan moral, dan tingkahlaku etika yang diperlukan untuk menilai tahap integriti ahli politik secara holistik. Kesimpulannya, model integrasi ini menegaskan bahawa pengukuran integriti tidak boleh dipisahkan daripada asas nilai keagamaan dan rasional manusia. Nilai-nilai wahyu (naqli) bertindak sebagai pengawal spiritual, manakala teori empirikal (aqli) menyediakan asas rasional dalam memahami tingkahlaku integriti secara sistematik. Gabungan kedua-duanya menghasilkan instrumen yang bukan sahaja sah secara saintifik, tetapi juga seimbang dari sudut moral dan keagamaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan rekabentuk pembangunan atau Design and Development Research (DDR). Pembinaan indeks ini merangkumi tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan dan fasa penilaian. Bagi fasa analisis keperluan, temubual dijalankan terhadap tiga orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bahagian pendidikan masyarakat khusus kepada cawangan sosiobudaya dan politik serta tinjauan kajian lepas. Tiga orang pegawai SPRM ini dipilih kerana pegawai yang dikehendaki hanyalah pegawai SPRM bahagian pendidikan masyarakat. Ini kerana bahagian ini yang akan menjawab adakah perlu bagi mereka hasil penyelidikan ini untuk mendidik ahli politik. Bagi fasa rekabentuk dan pembangunan, temubual empat (4) orang pakar aqli dan naqli dijalankan. Empat orang pakar aqli dan naqli ini dipilih kerana hasil temubual mendapati jawapan pakar telah cukup dan tepu untuk menjawab objektif kajian. Seterusnya hasil temubual dianalisis secara kualitatif, iaitu tema dan kod dikeluarkan untuk membentuk soal selidik untuk pengesahan pakar. Domain utama dan item-item dibentuk dan melalui proses indeks pengesahan (Content Validation Index (CVI)) pakar oleh lima (5) orang pakar aqli dan naqli. Soal selidik dibentuk untuk diedarkan kepada responden yang terdiri daripada ahli politik yang pelbagai latar belakang. Fasa penilaian dinilai melalui ujian rintis dengan melihat kepada kebolehpercayaan melalui nilai Cronbach alpha.

PROSEDUR KAJIAN

Pembinaan indeks integriti dan antirasuah ahli politik ini melibatkan beberapa langkah berdasarkan pembinaan skala DeVellis (2017). Langkah pertama adalah menentukan ukuran bagi domain pengetahuan, sikap dan amalan integriti dan anti rasuah ahli politik. Item-item dan skala pengukuran ditentukan. Item-item dibina berdasarkan hasil temubual bersama tiga orang pegawai SPRM dan dua orang pakar aqli serta dua orang pakar naqli. Kesemua pakar aqli dan naqli adalah ahli akademik. Hasil temubual dikodkan dan dikategorikan mengikut tema. Langkah seterusnya adalah soal selidik yang dibangunkan diedarkan kepada lima orang pakar aqli dan naqli untuk pengesahan indeks (CVI). Langkah berikutnya adalah melakukan ujian pilot. Soal selidik

diedarkan kepada 15 orang ahli politik. Hanya 15 orang ahli politik yang dipilih kerana jumlah ini telah mencukupi untuk menguji kefahaman responden terhadap item dan menilai tahap kebolehpercayaan item. Nilai Cronbach alpha mestilah di atas 0.7 untuk memastikan soal selidik boleh digunakan. Seterusnya soal selidik disahkan dan disemak oleh pegawai SPRM bagi mengesahkan semua item mematuhi akta SPRM 2009.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini akan membincangkan dapatan bagi semua fasa. Fasa pertama iaitu analisis keperluan. Fasa kedua adalah rekabentuk dan pembangunan. Fasa ketiga adalah fasa penilaian.

FASA ANALISIS KEPERLUAN

Kajian awal ini melibatkan tiga pegawai Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM yang menekankan kepentingan pembinaan Model Integriti dan Antirasuah Ahli Politik (M-Integriti) berasaskan Aqli dan Naqli. Hasil temubual mendapati kesalahan integriti dan rasuah ahli politik lazimnya tertumpu kepada empat kategori utama di bawah Akta SPRM 2009, iaitu menerima atau memberi suapan (Seksyen 16), suapan oleh ejen (Seksyen 17), memperdaya prinsipal (Seksyen 18) dan menggunakan jawatan untuk suapan (Seksyen 23), dengan pelbagai contoh melibatkan peringkat parti, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan komuniti. Pembinaan model ini dilihat penting bagi melengkapi usaha pendidikan integriti yang sedia ada memandangkan tiada ukuran khusus tahap integriti ahli politik, selain Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang hanya bersifat umum. Menurut informan:

“Pembinaan model ini yang merupakan kajian berbentuk ilmiah sangat diperlukan kerana dapat membantu melengkapi pelaksanaan pendidikan integriti dan antirasuah dalam kalangan ahli politik Malaysia. Model yang akan dihasilkan perlu sesuai dan boleh digunakan mengikut kategori ahli politik. Contoh kategori adalah ahli politik peringkat pemimpin negara, pemimpin peringkat negeri, pemimpin di peringkat kerajaan tempatan, ahli politik dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pemimpin peringkat daerah, mukim dan kampung serta ahli politik yang terlibat sebagai pemimpin dalam parti. Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM dalam proses untuk membangunkan pengukuran indeks rasuah di Malaysia iaitu Kajian Mengenai Rasuah Di Malaysia (MaCoS) dengan kerjasama UKM dan DOSM. Namun belum ada model yang boleh dijadikan panduan untuk memudahkan urusan dalam memberi didikan integriti dan antirasuah ahli politik. Pada masa sekarang, ukuran bagi melihat tahap keseriusan rasuah dan jenayah integriti ahli politik masih belum ada. Ukuran yang digunakan secara umum untuk menggambarkan tahap rasuah di Malaysia adalah melalui Indeks Persepsi Rasuah (CPI). CPI hanya ukuran yang bersifat persepsi dan hanya ukuran umum yang kurang tepat hasil dapatannya, serta tidak menggambarkan dengan tepat tahap rasuah di Malaysia.”

Faktor utama berlakunya isu rasuah ialah sikap tamak, peluang, serta kelemahan undang-undang, manakala pendidikan berperanan sebagai langkah pencegahan melalui peningkatan kesedaran tentang peranan, tanggungjawab, dan kesan rasuah. Program seperti bengkel, forum dan sesi perbincangan sering diadakan, namun berdepan cabaran seperti masa terhad, komitmen yang rendah, provokasi politik, serta keterbatasan SPRM yang hanya mampu menyampaikan pengetahuan manakala pemahaman dan penghayatan bergantung kepada individu. Secara keseluruhannya, kajian seumpama ini amat diperlukan oleh SPRM Cawangan Sosiobudaya dan Politik untuk memperkukuh usaha mendidik ahli politik. Pendidikan integriti dan antirasuah yang sering dilaksanakan kepada ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat memerlukan sokongan bahan bantu seperti indeks atau modul bagi memantapkan lagi kefahaman dan penghayatan mereka terhadap nilai integriti.

FASA REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN

Bagi fasa rekabentuk dan pembangunan, soalan dibentuk daripada temubual bersama pegawai SPRM dan pakar akademik dari kategori aqli dan naqli. Hasil temubual bagi domain pengetahuan dikategorikan kepada definisi rasuah dan integriti, kesalahan rasuah dan integriti yang melibatkan ahli politik, nas dan hadis berkaitan rasuah dan integriti, pengetahuan ahli politik tentang rasuah dan integriti, peruntukan undang-undang, punca dan cara atasi isu rasuah dan integriti. Temubual juga turut ditanya soalan yang sesuai untuk diajukan dalam soal selidik.

PENGETAHUAN INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

1. Definisi Rasuah dan Integriti

Hasil jawapan temubual kesemua informan dapat dihuraikan definisi rasuah dan integriti. Rasuah merujuk kepada perbuatan memberi atau menerima ganjaran secara tidak sah dengan tujuan mendapatkan sesuatu manfaat yang bukan hak atau mengelakkan tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakan. Dari sudut naqli, informan kajian menyatakan menurut Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi, rasuah ialah pemberian kepada individu yang mempunyai kuasa seperti pemimpin atau penjawat awam untuk memenuhi kehendak peribadi, sama ada bagi memperoleh hak yang tidak layak diterima atau menindas pihak lain. Dari sudut aqli dan perundangan, rasuah ditakrifkan sebagai salah guna kuasa atau kedudukan demi kepentingan peribadi, termasuk perbuatan memberi, meminta, atau menerima suapan seperti wang, hadiah, atau faedah lain. Di bawah Akta SPRM 2009, semua bentuk suapan dianggap rasuah, manakala Seksyen 409 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman terhadap penyalahgunaan amanah dan kuasa, khususnya dalam pengurusan harta. Integriti merupakan konsep menyeluruh yang merangkumi kejujuran, ketelusan, etika, moral, dan jati diri dalam setiap tindakan dan keputusan. Dalam konteks Islam (naqli), integriti dilihat lebih mendalam apabila dikaitkan dengan taqwa iaitu kesedaran untuk bertindak selari dengan syariat serta rasa takut terhadap azab Allah. Nilai ini turut berpaut pada sifat amanah, seperti yang dihuraikan oleh Al-Jahiz sebagai al-ta'afuf, yakni menjaga kesucian, maruah dan tanggungjawab terhadap segala perkara yang diuruskan. Dari sudut rasional dan profesional (aqli), integriti membawa maksud pematuhan terhadap prinsip moral, etika dan profesionalisme yang tinggi. Ia melibatkan sikap jujur, adil, telus serta konsisten dalam kata dan tindakan, tanpa menggadai nilai kebenaran. Individu berintegriti sentiasa menjunjung tanggungjawab dan akauntabiliti dalam semua aspek kehidupan, serta menolak sebarang bentuk salah laku seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Dalam kerangka undang-undang pula, integriti menuntut kepatuhan terhadap sistem, peraturan dan tatakelola yang beretika dalam menjalankan amanah yang diamanahkan.

2. Kesalahan Rasuah dan Integriti yang melibatkan Ahli Politik

Kesalahan integriti dan rasuah yang sering dikaitkan dengan ahli politik merangkumi pelbagai bentuk penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang bercanggah dengan prinsip moral, etika, serta syariat Islam. Antara kesalahan utama termasuk:

JADUAL 1. Jenis kesalahan rasuah dan integriti dalam politik

Jenis kesalahan	Huraian
1. Penyalahgunaan kuasa	menggunakan kedudukan untuk kepentingan peribadi, parti atau kroni, termasuk manipulasi keputusan dan pelantikan tanpa mengikut prosedur yang ditetapkan.
2. Penerimaan dan pemberian rasuah	menerima wang, hadiah atau ganjaran seperti kontrak daripada pembekal dan kontraktor, termasuk sogokan ketika Pilihan Raya Umum (PRU), seperti memberi wang dan barangan bagi mempengaruhi undi.
3. Penggelapan dana awam	menyeweleng peruntukan kerajaan atau dana rakyat demi kepentingan tertentu.
4. Nepotisme dan kronisme	melantik saudara-mara atau rakan rapat ke jawatan penting tanpa merit.
5. Manipulasi tender	menganugerahkan projek kepada pihak tertentu secara tidak telus dan tidak adil.
6. Pembaziran sumber awam	penggunaan berlebihan bahan kempen seperti poster ketika PRU yang tidak membawa nilai tambah kepada rakyat.
7. Tidak menjalankan tanggungjawab dengan amanah	tidak hadir ke Parlimen dan tidak memberi keutamaan kepada isu rakyat.
8. Matlamat menghalalkan cara	tindakan tidak beretika yang dilakukan atas nama kepentingan politik.

Dari perspektif Islam, seperti yang diriwayatkan dalam hadis, Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah, dan menegaskan bahawa keadilan adalah asas keteguhan urusan langit dan bumi. Tindakan menolak rasuah, seperti yang dilakukan oleh Abdullah bin Rawahah terhadap Yahudi Khaibar, menggambarkan bahawa integriti bukan sahaja soal undang-undang, tetapi juga tanggungjawab akhlak dan iman.

3. Nas dan Hadis berkaitan Rasuah dan Integriti

Konsep integriti dalam Islam sangat berkait rapat dengan prinsip keadilan yang ditegaskan dalam al-Quran. Antaranya, Surah An-Nisa' ayat 135 merupakan asas utama kepada integriti, apabila Allah SWT menyeru agar berlaku adil walaupun terhadap diri sendiri, ibu bapa, dan kaum keluarga. Ayat ini menampilkan tahap tertinggi integriti kerana ia menuntut kejujuran dan keadilan mutlak, tanpa mengira kedudukan atau hubungan peribadi. Surah al-Ma'idah ayat 8 pula memperkukuh prinsip ini dengan menegaskan agar berlaku adil kerana itu lebih dekat kepada taqwa, serta memberi peringatan agar kebencian terhadap sesuatu kaum tidak menjadi alasan untuk bersikap tidak adil. Kedua-dua ayat ini menjadi "kunci utama" dalam memahami integriti menurut pandangan wahyu. Dari sudut hadis, walaupun jumlah hadis yang secara khusus membicarakan isu rasuah adalah terhad, ia tetap mendapat perhatian serius dalam tradisi keilmuan Islam. Beberapa sarjana hadis telah mengkhususkan bab tertentu berkaitan rasuah, seperti:

- Imam Abu Daud dalam Sunan Abu Daud (Bab Fi Karahiyyati al-Rasywah),
- Imam Ibn Hibban dalam Sahih Ibn Hibban (Bab al-Rasywah),
- Imam al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra (Bab al-Tasydid fi Akhzi al-Rasywah), dan
- Imam al-Baghawi dalam Sharh al-Sunnah (Bab al-Rasywah wa al-Hadiyyah li al-Quda' wa al-'Ummal).

Walau bagaimanapun, kebanyakan sarjana hadis yang lain memasukkan hadis berkaitan rasuah dalam bab umum yang lebih luas, menunjukkan bahawa isu ini bersifat antara disiplin dan sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Koleksi hadis-hadis ini kemudiannya

dihimpunkan dalam karya khusus seperti 40 Hadis tentang Rasuah dan Amanah, yang menjadi rujukan penting untuk memahami prinsip integriti dan larangan terhadap rasuah menurut syarak.

4. Pengetahuan Ahli Politik tentang Rasuah dan Integriti

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa isu integriti dalam kalangan ahli politik bukan berpunca daripada kejahilan terhadap undang-undang atau prinsip etika, tetapi lebih kepada kegagalan mengamalkan apa yang telah diketahui, sama ada disebabkan tekanan politik, budaya ketamakan, atau kelemahan sistem penguatkuasaan yang membolehkan mereka mengambil risiko melakukan kesalahan tanpa rasa takut dikenakan tindakan.

5. Peruntukan Undang-undang

Kesalahan rasuah dalam kalangan ahli politik di Malaysia tertakluk di bawah beberapa akta perundangan utama. Menurut pandangan Dato' Rosli dan Dato' Hasnah, akta utama yang sering dirujuk ialah:

JADUAL 2. Akta utama kesalahan rasuah dalam politik yang sering dirujuk

Akta	Huraian
1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694 / ASPRM 2009)	<ul style="list-style-type: none">o Seksyen 16: Kesalahan meminta atau menerima rasuah.o Seksyen 17(a): Menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak.o Seksyen 23: Penyalahgunaan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan atau kepentingan peribadi.
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)	<ul style="list-style-type: none">o Seksyen 161 hingga 165: Menggariskan kesalahan berkaitan rasuah yang melibatkan penjawat awam, termasuk penerimaan habuan tanpa balasan yang sah, dan penyalahgunaan kuasa.
3. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFPUAA)	<ul style="list-style-type: none">o Akta ini digunakan dalam kes yang melibatkan pengubahan wang haram, terutamanya apabila hasil daripada rasuah cuba disembunyikan atau digunakan melalui saluran kewangan haram.

Akta ini menjadi teras utama dalam penyiasatan dan pendakwaan kes rasuah oleh SPRM. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan ini adalah berat, meliputi penjara, denda, atau kedua-duanya sekali, bergantung kepada jenis dan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.

6. Punca dan Cara Atasi Isu Rasuah dan Integriti

Rasuah dan kegagalan integriti berpunca daripada gabungan faktor luaran dan dalaman. Dari sudut aqli, ketamakan peribadi, budaya politik yang menekan calon untuk memenuhi kehendak penyokong, kelemahan penguatkuasaan undang-undang, serta sistem politik yang membenarkan budaya rasuah berakar menjadi punca utama. Tekanan untuk mendapatkan dana politik dan keinginan mengekalkan kuasa membuka ruang kepada perbuatan tidak berintegriti melalui kaedah tidak sah seperti "kickback", kontrak proksi dan penubuhan syarikat "cash cow". Dari sudut naqli, akar utama rasuah ialah kelemahan iman dan dominasi nafsu. Nafsu tamakkan dunia, cinta berlebihan kepada harta dan kedudukan (hubbul dunya dan hubbul syahwat), serta ketakutan kepada kemiskinan mendorong manusia mengabaikan amanah dan prinsip agama. Ketiadaan taqwa, rasa malu, dan kesedaran terhadap pengawasan Allah menjadikan individu mudah terjebak dalam rasuah dan pengkhianatan. Kesimpulannya, kesalahan integriti dan rasuah berlaku apabila kelemahan dalaman (iman dan nafsu) bertemu dengan tekanan dan kelemahan

luaran (budaya politik, sistem sosial dan penguatkuasaan). Pencegahannya memerlukan pembentukan iman yang kukuh, pengawalan nafsu, pembaikan budaya politik, serta sistem undang-undang yang berkesan dan berintegriti.

JADUAL 3. Cara mengatasi jenayah rasuah

Cara Atasi	Huraian
1. Pembinaan Dalaman Individu	<ul style="list-style-type: none"> • Pengukuhan Akidah dan Iman: Membina kepercayaan kukuh kepada Allah dan hari akhirat sebagai benteng utama menentang rasuah (Naqli). • Amalan Solat yang Khushyuk: Solat sebagai latihan harian dalam menghindari perbuatan mungkar, termasuk rasuah (Naqli). • Pendidikan Integriti Seawal Usia: Melaksanakan program pendidikan kesedaran tentang nilai integriti dari sekolah hingga profesional (Aqli). • Mengubah Sikap dan Norma Sosial: Membentuk sikap positif terhadap kejujuran dan membina tekanan sosial yang menolak rasuah (Aqli).
2. Reformasi Kepimpinan dan Pemilihan Pegawai	<ul style="list-style-type: none"> • Melantik Pemimpin Berintegriti: Hanya individu yang memenuhi kriteria amanah, jujur dan berkebolehan dilantik memegang jawatan (Naqli dan Aqli). • Pengurusan Jawatan Berisiko Tinggi: Menetapkan kriteria ketat dan pemantauan berterusan ke atas jawatan yang terdedah kepada rasuah (Naqli dan Aqli).
3. Sistem Pemantauan dan Penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan Ketat oleh Ketua: Mengamalkan sistem pengawasan berterusan terhadap tugas anak buah, meneladani Rasulullah SAW (Naqli). • Menguatkuasakan Undang-undang Tanpa Pilih Kasih: Pastikan tiada individu kebal daripada tindakan undang-undang (Aqli). • Perlindungan Pemberi Maklumat: Melindungi whistleblowers melalui mekanisme bebas (Aqli).
4. Ketelusan dan Akauntabiliti	<ul style="list-style-type: none"> • Larangan Terhadap Hadiah dan Ganjaran Tidak Sah: Memperketat larangan terhadap penerimaan hadiah berkaitan tugas rasmi (Naqli). • Ketelusan Kewangan Parti Politik: Semua akaun politik diaudit dan didedahkan kepada umum bagi membendung dana tidak sah (Aqli).
5. Reformasi Politik dan Institusi	<ul style="list-style-type: none"> • Budaya Politik Berteraskan Intelektual: Membina budaya politik yang memartabatkan idea dan ilmu, bukan kebendaan (Aqli). • Pengawalan Sumbangan Politik: Menggubal undang-undang untuk mengawal selia sumbangan politik secara telus (Aqli). • Reformasi Pilihan Raya: Membanteras amalan pembelian undi dan pengaruh tidak sah (Aqli).
6. Pengukuhan Badan Penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> • Badan Anti-Rasuah yang Bebas: Memastikan agensi seperti SPRM berfungsi tanpa campur tangan politik (Aqli). • Penguatkuasaan Undang-undang Berdasarkan Prinsip Islam: Mencontohi tindakan Rasulullah SAW dan sahabat terhadap pengkhianatan amanah (Naqli).

Penghapusan rasuah menuntut kekuatan dalaman (iman, akhlak) dan pembinaan sistem luaran (undang-undang, pendidikan, reformasi politik). Gabungan pendekatan naqli dan aqli ini memastikan usaha membanteras rasuah bukan sekadar slogan, tetapi menjadi amalan nyata dalam membina negara yang bersih, berintegriti dan diberkati.

SIKAP TERHADAP INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

1. Pengalaman terhadap Ahli Politik

Sikap ahli politik terhadap rasuah dan integriti berbeza-beza mengikut individu. Terdapat ahli politik yang mengutamakan nilai integriti dan secara aktif memerangi rasuah. Mereka menyokong usaha penambahbaikan sistem pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. Walaubagaimanapun, terdapat juga ahli politik yang bersikap oportunistik. Mereka melihat kuasa sebagai peluang untuk memperkayakan diri sendiri atau pihak tertentu. Mereka mungkin mengabaikan kepentingan awam demi keuntungan peribadi, serta normalisasi budaya rasuah

sebagai sebahagian daripada "permainan politik". Informan kajian juga berpandangan kebanyakan ahli politik tahu mengenai rasuah tapi demi kerjaya politik dan mendapatkan sumber kewangan bagi kepentingan politik mereka, mereka akan gunakan cara-cara teknikal untuk "cover" sumbangan-sumbangan rasuah, atau cuba untuk rasionalkan perlakuan rasuah. Contohnya menerima sumbangan-sumbangan dari pihak berkepentingan atas nama atau tujuan kebajikan. Sikap yang menunjukkan tingkahlaku tidak berintegriti adalah menerima hadiah atau pemberian percuma tanpa merit, tidak mengikut SOP, membocorkan maklumat sulit, menyembunyikan kesalahan rakan sekerja dan melakukan penipuan dokumen. Perbuatan ini adalah perbuatan yang jelas dilarang dalam Islam.

2. Sikap Individu yang Terlibat dengan Rasuah

Sikap individu yang terlibat dengan rasuah dapat dilihat melalui tingkahlaku-tingkahlaku tertentu. Menurut informan kajian, individu tersebut suka menunjukkan kekayaan dan kemewahan untuk mempamerkan diri sebagai seorang yang berjaya dan mampu membantu orang lain. Orang Malaysia secara umum menurut informan menyanjung orang kaya dan berkuasa. Menurut informan lain juga antara sikap terlibat dengan rasuah adalah tidak segan meminta upah, bermewah melebihi kemampuan dan banyak menerima hadiah dari pelanggan. Beberapa sikap yang boleh menunjukkan wujudnya gejala rasuah termasuk menyembunyikan maklumat penting atau memutarbelitkan fakta dan mengutamakan kepentingan peribadi atau keuntungan kewangan berbanding kepentingan umum. Selain itu, mereka suka menggunakan jawatan untuk memberi kelebihan kepada diri sendiri atau pihak tertentu. Mereka juga enggan mendedahkan maklumat tentang keputusan kewangan atau kontrak. Akhir sekali menurut informan adalah mengelak daripada bertanggungjawab terhadap tindakan yang melibatkan dana awam atau keputusan penting.

3. Keinginan dan Pemikiran Berintegriti atau Tidak Berintegriti

Hasil temubual menunjukkan bahawa individu yang berintegriti sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan melaksanakan setiap urusan dengan betul serta penuh amanah. Mereka sentiasa berusaha melakukan yang terbaik kerana percaya bahawa Allah menyukai usaha yang terbaik. Sebaliknya, individu yang tidak berintegriti cenderung mengambil jalan mudah demi kepentingan diri dan mengutamakan keuntungan segera tanpa mempedulikan prinsip moral. Menurut pandangan informan kajian, mereka yang tidak berintegriti sering memandang remeh kesalahan kecil dan akhirnya terjebak dalam kesalahan yang lebih besar, sama ada disebabkan oleh tekanan hidup atau keinginan peribadi. Manakala individu berintegriti pula lebih sensitif terhadap sebarang bentuk pelanggaran etika, undang-undang dan ketidakpatuhan terhadap sistem. Sementara itu, informan kedua menegaskan bahawa ahli politik yang berintegriti lazimnya membincangkan isu perjuangan, dasar politik dan cabaran semasa dengan cara yang matang serta berasaskan hujah intelektual. Sebaliknya, ahli politik yang tidak berintegriti hanya menjanjikan ganjaran kepada pengundi tanpa memahami isu sebenar atau mampu memberikan penyelesaian yang holistik. Informan ketiga pula menekankan bahawa individu berintegriti berpegang teguh pada prinsip moral, mengutamakan kepentingan umum, percaya kepada kejujuran dan keadilan, serta berhasrat membangunkan masyarakat yang adil. Sebaliknya, individu tidak berintegriti berfikir untuk memperoleh kelebihan secara mudah, mengejar kekayaan dan kuasa tanpa batasan undang-undang, serta menikmati kemewahan tanpa menghiraukan sumbernya.

AMALAN INTEGRITI DAN ANTI RASUAH

1. Ayat Penegasan dalam Al-Quran dan Hadis mengenai Integriti dan Rasuah

Ayat dan nas al-Quran memainkan peranan penting dalam memperjelas larangan terhadap amalan rasuah dan perbuatan tidak berintegriti. Menurut informan pertama, antara ayat yang jelas menegaskan larangan tersebut ialah Surah al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud, “Janganlah kamu makan harta sesama kamu dengan cara yang batil dan janganlah kamu memberi rasuah kepada para hakim kerana hendak makan sebahagian daripada harta manusia dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui kesalahan perbuatan tersebut.” Ayat ini menunjukkan bahawa setiap bentuk pengambilan harta melalui cara yang tidak sah, termasuk rasuah, adalah perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT. Beliau turut menambah bahawa terdapat hadis Nabi SAW yang melaknat pemberi dan penerima rasuah serta menjelaskan bahawa kedua-duanya akan dimasukkan ke dalam neraka. Sementara itu, informan kedua pula menjelaskan bahawa terdapat banyak dalil yang mengutuk perbuatan rasuah secara jelas. Antaranya hadis daripada Abdullah bin ‘Amr yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah (Sunan Abu Daud, no. 3580). Beliau turut merujuk hadis riwayat Abu Umamah yang menegaskan bahawa sesiapa yang menerima hadiah sebagai balasan atas pertolongan yang diberikan telah membuka pintu besar daripada pintu-pintu riba. Informan kedua juga mengemukakan firman Allah SWT dalam Surah al-Ma’idah ayat 42 yang menggambarkan bahawa golongan yang suka mendengar berita dusta dan memakan perkara haram seperti rasuah adalah golongan yang jauh daripada kebenaran. Beliau menambah bahawa Rasulullah SAW juga pernah memberi peringatan bahawa apabila pemberian menjadi bentuk imbuhan untuk menyelewengkan agama atau kuasa, maka pemberian itu perlu ditinggalkan. Hadis lain menunjukkan bahawa pemberian kepada pegawai dianggap sebagai pengkhianatan (Musnad Ahmad, no. 23601). Selain itu, terdapat juga riwayat yang menegaskan bahawa apabila rasuah berleluasa dalam sesuatu kaum, mereka akan ditimpa ketakutan dan hilang keberkatan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa al-Quran dan hadis dengan tegas mengharamkan amalan rasuah kerana ia bercanggah dengan prinsip keadilan, amanah dan integriti yang menjadi asas dalam Islam.

2. Amalan atau Perbuatan tidak Berintegriti

Berdasarkan temu bual bersama para informan, pelbagai bentuk amalan atau perbuatan yang mencerminkan ketidakintegritian telah dikenal pasti. Menurut informan pertama, individu yang tidak berintegriti biasanya tidak menepati janji, suka berbohong, gagal menepati masa, serta gemar menerima hadiah dan barangan percuma. Perbuatan sebegini menunjukkan kelemahan dalam memelihara amanah dan prinsip kejujuran. Sementara itu, informan kedua menegaskan bahawa antara bentuk ketidakintegritian yang jelas ialah perbuatan menerima atau mengambil rasuah, sama ada secara langsung mahupun menjadi agen atau orang tengah dalam urusan tersebut. Selain itu, beliau turut menambah bahawa menerima hadiah daripada klien serta membocorkan maklumat jabatan kepada pihak luar juga merupakan bentuk pelanggaran integriti yang serius. Bagi informan ketiga, terdapat beberapa amalan dalam kalangan ahli politik yang menunjukkan ketidakintegritian, antaranya ialah meminta sumbangan daripada pihak kontraktor yang mendapat projek atas alasan sumbangan politik. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa terdapat individu yang tidak mempunyai jawatan rasmi tetapi bertindak sebagai orang tengah antara ahli politik dan pihak tertentu untuk kepentingan peribadi. Beliau turut menambah bahawa ada segelintir ahli politik yang memberikan wang kepada pengadu masalah tanpa menyelesaikan punca sebenar, menghadiri majlis anjuran individu berpengaruh sambil mengungkit jasa mereka, serta diraikan secara berlebihan oleh ahli perniagaan dan kontraktor sehingga melampaui batas profesionalisme.

Menurutnya lagi, campur tangan dalam tugas penjawat awam, mempersendakan isu integriti dan rasuah, menggunakan dana awam untuk urusan peribadi atau politik, bersikap hipokrit, dan menikmati layanan istimewa seperti harga bawah pasaran bagi urusan tertentu turut menggambarkan ketiadaan integriti dalam kepimpinan. Sementara itu, informan keempat pula menjelaskan bahawa antara perbuatan yang menunjukkan ketidakintegritian termasuklah penyalahgunaan kuasa dengan menggunakan jawatan untuk kepentingan peribadi, berbohong atau menipu dengan menyembunyikan fakta, serta ketidakpatuhan terhadap peraturan organisasi. Beliau juga menegaskan bahawa penyelewengan sumber seperti menggunakan harta awam untuk tujuan peribadi, amalan nepotisme dan kronisme dalam membuat keputusan, serta keengganan mengambil tanggungjawab atas kesalahan sendiri turut mencerminkan kehilangan nilai integriti dalam diri seseorang individu. Secara keseluruhan, kesemua informan sepakat bahawa ketidakintegritian bukan sahaja merosakkan imej individu tetapi turut mengancam keadilan, kepercayaan awam, dan kestabilan institusi.

3. Tingkahlaku Berintegriti yang Ditunjukkan Nabi

Berdasarkan temu bual bersama para informan, beberapa nilai dan tingkah laku berintegriti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW telah dikenal pasti sebagai teladan utama dalam pembentukan integriti insan. Menurut informan pertama, akhlak Nabi Muhammad SAW merupakan cerminan sebenar al-Quran, sebagaimana yang disebut oleh para sahabat. Prinsip utama yang menjadi pegangan baginda dijelaskan melalui Surah Fussilat, ayat 34, yang menekankan pentingnya membalas kejahatan dengan kebaikan. Nabi SAW sentiasa menunjukkan sikap pemaaf dan membalas keburukan dengan cara yang baik. Selain itu, baginda juga menegaskan keadilan tanpa memilih kasih, bahkan sekiranya anaknya sendiri melakukan kesalahan seperti mencuri, baginda tetap akan menegakkan hukuman yang sewajarnya. Hal ini menunjukkan bahawa integriti baginda berasaskan prinsip kebenaran, keadilan, dan ketelusan dalam setiap tindakan. Sementara itu, informan kedua menegaskan bahawa Nabi SAW menunjukkan integriti dalam kepimpinan dan pentadbiran negara dengan melantik pegawai yang benar-benar berkelayakan untuk memegang jawatan penting dalam pemerintahan. Baginda tidak teragak-agak memecat pegawai yang terlibat dalam salah laku dan mengenakan ancaman terhadap mereka yang melakukan penyelewengan. Selain itu, Nabi SAW juga menegur secara langsung sahabat-sahabat yang melakukan kesalahan, menunjukkan keberanian baginda dalam menegakkan kebenaran dan memastikan urusan tadbir yang bersih serta berakauntabiliti. Menurut informan ketiga, sifat-sifat berintegriti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dapat dilihat melalui beberapa aspek penting seperti ketelusan dalam menyampaikan maklumat secara jujur dan terbuka, serta kejujuran dalam setiap tindakan tanpa memutarbelitkan fakta. Baginda juga menunjukkan akauntabiliti dengan bersedia memikul tanggungjawab atas segala keputusan dan tindakan yang diambil. Nabi SAW sentiasa mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi, bertindak mengikut undang-undang dan peraturan syariah, serta kekal berkecuali dalam membuat keputusan tanpa sebarang berat sebelah. Secara keseluruhannya, para informan sepakat bahawa integriti Nabi Muhammad SAW berpaksikan nilai-nilai keadilan, kejujuran, tanggungjawab dan ketelusan. Tingkah laku baginda bukan sahaja menjadi panduan dalam urusan pemerintahan, tetapi juga asas pembentukan akhlak dan moral dalam kehidupan bermasyarakat.

4. Perbuatan Rasuah Menurut Islam

Berdasarkan temu bual bersama para informan kajian, dapat dirumuskan bahawa perbuatan rasuah menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai bentuk penyelewengan yang menyalahi prinsip keadilan, amanah dan ketelusan yang dituntut dalam syariat Islam. Menurut informan pertama, perbuatan rasuah merupakan satu bentuk kezaliman dan pengkhianatan terhadap amanah yang dipikul. Walaupun beliau tidak menghuraikan secara terperinci dalam temu bual, pandangan beliau menekankan bahawa rasuah merupakan perbuatan yang jelas ditegah dalam Islam kerana ia melibatkan pemakan harta secara batil sebagaimana ditegaskan dalam al-Quran. Sementara itu, informan kedua menyatakan bahawa antara bentuk rasuah yang dilarang dalam Islam ialah menerima hadiah dalam konteks yang boleh mempengaruhi keputusan atau tindakan seseorang yang mempunyai kuasa. Menurut beliau, walaupun pemberian hadiah kelihatan kecil atau bersifat peribadi, jika ia berkait dengan tanggungjawab rasmi atau kedudukan seseorang dalam organisasi, maka ia termasuk dalam kategori rasuah yang diharamkan. Nabi Muhammad SAW sendiri menegaskan bahawa hadiah kepada pegawai dianggap sebagai ghulul (pengkhianatan), kerana ia boleh menjejaskan keadilan dan objektiviti seseorang dalam melaksanakan tugas. Manakala menurut informan ketiga, perbuatan rasuah dalam Islam meliputi pelbagai bentuk penyelewengan yang membawa kepada ketidakadilan dan keruntuhan moral. Ini termasuk menerima atau memberi suapan dalam bentuk wang, hadiah atau perkhidmatan bagi mempengaruhi keputusan, menyeleweng atau menyalahgunakan dana awam untuk kepentingan peribadi, memanipulasi kontrak atau tender bagi menguntungkan pihak tertentu, serta melibatkan diri dalam pengubahan wang haram bagi menyembunyikan sumber pendapatan yang tidak sah. Selain itu, menggunakan maklumat rahsia untuk keuntungan peribadi dan meminta hadiah atau komisen sebagai syarat untuk meluluskan sesuatu permohonan turut dikategorikan sebagai perbuatan rasuah. Kesimpulannya, para informan sependapat bahawa rasuah dalam Islam bukan sahaja terhad kepada pemberian atau penerimaan wang, tetapi merangkumi segala bentuk tindakan yang menyalahgunakan kuasa dan amanah untuk kepentingan diri, yang jelas bercanggah dengan prinsip integriti dan keadilan yang ditekankan oleh Islam.

Hasil temubual membentuk tiga (3) domain utama iaitu

JADUAL 4. Domain utama kajian

Domain	Jumlah Item	Definisi Domain	Skala Jawapan
1 - Pengetahuan mengenai rasuah dan integriti	41	Mengetahui tentang definisi rasuah dan integriti, jenis-jenis rasuah dan integriti, undang-undang berkaitan, punca-punca rasuah, simptom rasuah dan cara atasi.	Betul, Salah, Tidak tahu
2 - Sikap terhadap rasuah dan integriti	32	Kesediaan dalaman seseorang untuk bertindak. Sikap merangkumi pemikiran, perasaan dan keinginan.	Likert 1 hingga 5
3 - Amalan rasuah dan integriti	40	Tingkah laku atau perbuatan yang telah dilakukan dan menjadi amalan.	Likert 1 hingga 5

INDEKS PENGESAHAN ITEM

Seterusnya, soal selidik ini diedarkan kepada lima (5) orang pakar untuk pengesahan item (CVI) bagi soal selidik integriti dan anti rasuah ahli politik Muslim berasaskan aqli dan naqli. Setiap item dinilai menggunakan skala 4 mata, di mana skor 3 dan 4 dianggap relevan. Nilai I-CVI dikira berdasarkan bilangan pakar yang memberikan skor relevan dibahagikan dengan jumlah

keseluruhan pakar, manakala S-CVI/Ave ialah purata semua nilai I-CVI dan S-CVI/UA ialah peratusan persetujuan mutlak semua pakar. Hasilnya, nilai S-CVI/Ave ≥ 0.90 dianggap sangat baik (Polit & Beck, 2006). Tiga soalan domain kefahaman perlu dibuang kerana nilai i-CVI adalah 0.6. Manakala item-item lain dikekalkan dan diubahsuai bagi item yang nilai i-CVI 0.8. Daripada keseluruhan item, 67 item (76%) mencapai nilai I-CVI ≥ 0.78 dan diterima. 27 item (31%) berada pada tahap pertimbangan untuk diubahsuai, di mana pakar memberi komen untuk membaiki struktur ayat, mengurangkan elemen leading question, dan memberi maksud istilah dengan jelas. 7 item (8%) memperoleh nilai I-CVI < 0.78 dan dicadangkan untuk dibuang kerana kurang relevan atau mengandungi lebih daripada satu pertanyaan dalam satu item. Walau bagaimanapun, hanya tiga (3) item yang dibuang dan item-item lain ditambahbaik mengikut komen pakar. Secara keseluruhannya, hasil CVI ini menunjukkan instrumen mempunyai tahap kesahan kandungan yang sangat baik, namun memerlukan pindaan pada beberapa item untuk meningkatkan kejelasan, ketepatan maksud, dan mengurangkan potensi bias.

FASA PENILAIAN

Dalam fasa ini, soal selidik telah diedarkan kepada 15 orang ahli politik yang terlibat dalam parti politik di Malaysia. 14 orang daripada responden ini adalah lelaki dan seorang perempuan. Sebanyak tiga (3) domain dengan domain pengetahuan berjumlah 40 item, sikap 35 item dan amalan sebanyak 40 item. Nilai Cronbach alpha bagi setiap domain ini adalah 0.785, 0.886 dan 0.953. Hasil ujian rintis seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa ketiga-tiga domain mempunyai nilai Cronbach's Alpha yang tinggi. Domain Pengetahuan mengenai rasuah dan integriti memperoleh nilai $\alpha = 0.785$, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik. Domain Sikap terhadap rasuah dan integriti pula mencatatkan nilai $\alpha = 0.886$, menandakan kebolehpercayaan yang tinggi. Sementara itu, domain Amalan rasuah dan integriti mencapai nilai $\alpha = 0.953$, menggambarkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi.

JADUAL 5. Keputusan ujian rintis

Domain	Jumlah Item	Nilai Cronbach Alpha (α)
1. Pengetahuan mengenai rasuah dan integriti	40	0.785
2. Sikap terhadap rasuah dan integriti	35	0.886
3. Amalan rasuah dan integriti	40	0.953

Secara keseluruhannya, keputusan ini menunjukkan bahawa semua item dalam setiap domain mempunyai konsistensi dalaman yang kukuh dan sesuai untuk diteruskan ke fasa kajian sebenar (Hair et al 2010). Ini bermakna semua soalan yang diajukan kepada responden kajian adalah soalan yang boleh digunakan untuk mengukur integriti dan amalan pencegahan rasuah ahli politik menurut perspektif aqli dan naqli. Item-item atau soalan yang dirangka ini boleh digunakan oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat untuk menilai tahap kefahaman ahli politik Malaysia. Hasil penilaian tersebut boleh memberi maklumat kepada Bahagian Pendidikan Masyarakat tentang kekurangan kefahaman ahli politik Malaysia terhadap integriti dan rasuah.

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya membangunkan Instrumen Indeks Integriti dan Anti Rasuah Ahli Politik berasaskan gabungan perspektif Aqli dan Naqli, yang menekankan keseimbangan antara pendekatan rasional dan nilai keagamaan dalam menilai integriti kepimpinan. Instrumen ini terdiri daripada tiga domain utama iaitu pengetahuan, sikap dan amalan berkaitan rasuah serta integriti, yang dirangka melalui proses sistematik merangkumi analisis keperluan pakar, pembangunan item melalui penilaian kesahan kandungan (CVI) dan penilaian kebolehpercayaan melalui ujian rintis. Hasil analisis menunjukkan bahawa instrumen yang dibangunkan memiliki tahap kesahan kandungan yang sangat baik serta kebolehpercayaan dalaman yang tinggi, menandakan kesesuaian dan konsistensi item dalam mengukur konstruk integriti dan anti rasuah dalam kalangan ahli politik. Pembinaan indeks ini diharapkan dapat menjadi panduan praktikal dan alat penilaian ilmiah kepada pelbagai pihak termasuk agensi penguatkuasaan, institusi pendidikan, badan pentadbiran kerajaan dan ahli politik sendiri dalam usaha menilai, memperbaiki serta memantapkan nilai integriti dalam kepimpinan negara. Secara keseluruhannya, instrumen ini memberikan sumbangan signifikan kepada wacana akademik dan amalan tadbir urus beretika, dengan memperkukuh pendekatan pencegahan rasuah secara proaktif berasaskan prinsip ilmu dan nilai Islam. Di samping itu, pembangunan indeks ini turut menyokong aspirasi Malaysia Madani dalam memperkukuh budaya integriti, meningkatkan ketelusan, serta membina semula keyakinan rakyat terhadap sistem kepimpinan dan politik negara.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah dana Geran Penyelidikan USIM. Tajuk penyelidikan: Kajian Awal Pembinaan Model Integriti dan Anti Rasuah Ahli Politik (M-Integriti) Berasaskan Aqli dan Naqli. Kod projek: PPPI/USIM/FKP/USIM/111323.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Halim Ali & Abdul Malik. (2021). Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 26-39. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.3.2021>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (2009). https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/akta-694_bm.pdf
- Al-Farabi. (1985). *Al-Madina al-Fadila (The Virtuous City)*. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Ang Chai Tin & Mohamad Munir Ismail. (2020). Kejujuran Akademik Guru Pelatih: Satu Norma?. *Jurnal IPDA Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman*, 27(1), 70-77.
- Alias, B. S., Ishak, M. R., Mansor, A. N., et al. (2019). Integrity among academics: Concept, challenge and way forward. *Creative Education*, 10(12), 2760–2768.
- Ani Munirah Mohamad, Syed Jamal Mohamad Khan, Ismail Noor Mohd Shahraneer, Zuraidah Zain, & Shanmugam K. S. Shanmugam. (2022). Papan pemuka (dashboard) sebagai alternatif visualisasi integriti staf. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(29), 285–295. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.729020>

- Anuar Puteh, Nor Akrimi Mohd Ali & Abdul Ghafar Don. (2021). Kefahaman Kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah Terhadap Konsep Integriti. *BITARA Internasional Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 182-191.
- Ashma Said, Darayani Johari, Noor Marina Yunus & Nurhidayah Mat Husin. (2022). Tahap Pemahaman dan Integriti Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal pendidikan bahasa Melayu*, 12(2), 118-124.
- Ahmad Faris Ashman Rizal Azwan, Nor Aleeya Maisara Nor Azhar, Syakirah Maisarah Abdullah, Shazlina Abd Razak & Mai Nur Athirah Mior Helmi. (2022). Memperkasakan Integriti Dalam Organisasi Islam: Satu Tinjauan Holistik. *E-JITU: E-Journal of Islamic Thought & Understanding*. 5(2), 109-121. <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i2.7317>
- Azman Ab Rahman, Nur Wahida Lokman, Lutfi Mohamed Zain, Syed Mohd Najib Syed Omar & Setiyawan Gunardi. (2022). Analisis Faktor-Faktor Gejala Rasuah Dan Cabaran Menanganinya Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and law*, 10(1), 90-97.
- Azman Ab Rahman, Md Yunus Abd. Aziz, Ahmad Zaki Salleh & Anis Nabilah. (2023). Isu Rasuah: Kajian Terhadap Elemen Integriti Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith. *'Ulum Islamiyyah*, 35(2), 86-94. <https://doi.org/10.33102/ujj.vol35no02.555>
- Cressey, D. R. (1953). *Other people's money: A study in the social psychology of embezzlement*. Free Press.
- DeVellis, R. F. (2017). *Scale development: Theory and applications*. University of North Carolina.
- Enida Daud. (2019). Faktor-Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Niat Individu Untuk Mengamalkan Rasuah Di Kalangan Penjawat Awam Pihak Berkuasa Tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*, 7(2), 6-19.
- Fazurah Mustaffa, Mohd Sufiean Hassan, Maizatul Haizan Mahbob, Siti Nurshahidah Sah Allam, Fatimah Yazmin Haji Yahya & Muhammad Khalil Tarmizi Abdul Suko. (2022). Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Integriti Penyertaan Politik. *Jurnal Ilmi*, 12, 203 - 218.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis (7th ed.)*. Pearson Prentice Hall.
- Huberts, L., Kaptein, M., & de Koning, B. (2021). Integrity Scandals of Politicians: A Political Integrity Index. *Public Integrity*, 24(3), 329–341. <https://doi.org/10.1080/1099922.2021.1940778>
- Ibn Majh, Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. (n.d). *Sunan Ibn Majh*. Dar Ihya al-Kutub al 'Arabiyya.
- Institut Integriti Malaysia. (2004). *Pelan Integriti Nasional*. Putrajaya: Institut Integriti Malaysia.
- Institut Integriti Malaysia. (2006). *Glosari Integriti: Bahasa Inggeris-huraian-bahasa Melayu, nahasa Melayu-bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Kerajaan Malaysia (2009). *Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malayisa 2009*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur
- Khadijah Muda, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Kamal Azmi Abd Rahman, Siti Nor Baya Mat Yacob & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2025). Tinjauan Awal Kes-Kes Integriti dan Rasuah melibatkan Ahli Politik Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(2), 201-213.
- Luther, N. (2000). Integrity testing and job performance within high performance work teams: A short note. *Journal of Business and Psychology*, 15(1), 19–25.
- Megat Ayop Megat Arifin, & Abd. Halim Ahmad. (2016). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia: Malaysian Journal*

- of Society and Space*, 12(9), 138–149.
- Mohd Sufiean Hassan, Maizatul Haizan Mahbob & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2018). Skala Psikometrik: Perspektif Kawalan Sosial Tidak Formal dan Pengukuhan Nilai Integriti Golongan Muda. *Jurnal Komunikasi*, 34(4), 232-249.
- Mohd Sufiean Hassan, Siti Nurshahidah Sah Allam, Abd. Aziz A'zmi & Rizky Hafiz Chaniago. (2021). Skala Amalan Integriti Penyertaan Politik: Kesahan dan Psikometrik. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue: 18(7), 259-281.
- Musmuliadi Kamaruding, Siti Hamidah Abdull Rahman, Syahrin Neizam Mohd Dzulkipli & Rosni Abdul Rani @ Ibrahim. (2020). Nilai-nilai Islam untuk pelaku pengurusan projek di industri pembinaan: Suatu tinjauan awal. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 5(1), 14-26.
- Nazirah Hassan. (2021). Rasuah Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Di Asia Tenggara: Satu Tinjauan Skop. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 18(8), 196-212.
- Norashikin Ahmad, Sity Daud and Anis Yusal Yusoff. (2021). Keberkesanan latihan asas kepolisan kadet inspektor terhadap amalan integriti dalam kalangan pegawai kanan polis. *Kajian Malaysia*, 39(2), 233–266. <https://doi.org/10.21315/km2021.39.2.10>
- Nur Hafizah Yusoff. (2019). Integriti akademik dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 179-190.
- Nur Hafizah Yusoff & Nurul Atikah Zulkepli. (2021). Reaksi Belia Terhadap Integriti dan Pelanggaran Integriti. *International Journal of Social Policy and Society*, 17(1), 56-75.
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489-497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>
- Sackett, P. R. (1994). Integrity testing for personnel selection. *Current Directions in Psychological Science*, 3(3), 73–77.
- Schlenker, B. R. (2008). Integrity and character: Implications of principled and expedient ethical ideologies. *Journal of Social and Clinical Psychology*, 27(10), 1078–1125.
- Sheikh Muhamed Nursyakirin Sheik Muhamed Amin, Siti Asroh Mohamad & Salleh Mohd Nor. (2021). Personaliti dan Integriti dalam Kalangan Penguatkuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 3, 166-182.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Amrullah Maraining & Ramli Dollah. (2020). Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 355-380.
- Zam Zam Yunus & Nik Ahmad Sufian Burhan. (2023). Faktor Pelanggaran Integriti Organisasi: Kajian Kes Terhadap Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kontinjen Selangor. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(2), 295-309.

PENULIS:

Khadijah Muda (Penulis Korenponden)
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: khadijahmuda@usim.edu.my

Ros Aiza Mohd Mokhtar
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Siti Nor Azhani Mohd Tohar
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Siti Nor Baya Mat Yacob
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Kamal Azmi Abd Rahman
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia